

02 OCT 2002

Gaya-Isa

UMNO N.SEMBILAN HANTAR PASUKAN BANTU BN SABAH

SEREMBAN, 2 Okt (Bernama) -- Umno Negeri Sembilan akan menghantar pasukan petugas dan penceramah bagi membantu Barisan Nasional (BN) Sabah menghadapi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Gaya pada 12 Okt ini.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata Umno Negeri Sembilan diberikan tugas untuk membantu jentera pilihan raya BN di tiga kawasan peti undi iaitu Telipok, Inanam dan Menggatal.

Mohamed Isa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata beliau akan mengetuai Umno Negeri Sembilan membantu kempen pilihan raya BN di negeri itu pada 9 Okt ini.

"Kita yakin BN akan mencatat kemenangan besar dalam pilihan raya kecil ini. Lagipun, kepimpinan BN negeri semakin baik dan kukuh," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Pilihan raya kecil Parlimen Gaya diadakan selepas penyandangannya iaitu Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee hilang kelayakannya sebagai Anggota Parlimen selepas beliau didapati melakukan amalan rasuah dalam pilihan raya negeri 1999 oleh Mahkamah Pilihan Raya baru-baru ini.

Parlimen Gaya mempunyai seramai 49,427 pengundi termasuk 76 pengundi pos dengan Cina 38.69 peratus, Bumiputera Islam 21.64 peratus, Bumiputera Bukan Islam 33.3 peratus, India 0.8 peratus dan lain-lain 5.56 peratus.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan esok sebagai hari penamaan calon dan hari mengundi pada 12 Okt.

Yong, yang mewakili BN memenangi kerusi Parlimen Gaya selepas mendapat 15,315 undi mengalahkan calon Parti Bersatu Sabah (PBS), Johnny Goh yang memperolehi 11,198 undi dan calon PAS, Hamzah Abdullah yang mendapat hanya 729 undi dalam pilihan raya umum 1999.

Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat selepas mempengerusikan mesyuarat BN negeri di Putatan, dekat Kota Kinabalu hari ini mengumumkan Naib Presiden SAPP, Liew Teck Chan, 54, sebagai calon BN.

Ditanya kemungkinan pembangkang memainkan isu amalan rasuah Yong pada pilihan raya kecil itu, Mohamed Isa berkata pembangkang akan memainkan isu itu tetapi bukan Yong yang bertanding kali ini.

"Lagipun, kawasan Likas dan Kinabalu begitu membangun di bawah pimpinan BN. Saya percaya rakyat di kawasan tersebut akan terus menyokong BN bagi memastikan pembangunan berterusan dinikmati di kawasan itu," katanya.

Diminta mengulas pemeriksaan ketat dan layanan keras oleh pegawai kerajaan Amerika Syarikat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa lawatan rasmi ke negara itu baru-baru ini, Mohamed Isa berkata layanan itu keterlaluan terhadap seorang pemimpin sesuatu negara lain.

"Walaupun kita tahu pegawai malah bekas naib presidennya Al Gore pernah mengeluarkan kata-kata kasar mengkritik negara kita, tetapi mereka tetap diberi layanan baik semasa berada di negara ini.

"Kita boleh terima jika pemeriksaan ketat dikenakan terhadap rombongan lain, bukannya terhadap Perdana Menteri dan timbalannya dan tindakan itu tidak sepatutnya berlaku," katanya.

--BERNAMA

APG NAK